SIARAN SERTA MERTA
NRES.100-9/1/2 JLD2 ( )

KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT MBN KE-4 BERSETUJU MENGUKUHKAN PEMULIHARAAN HABITAT DAN SPESIES TERANCAM

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Biodiversiti Negara Keempat (MBN Ke-4) pada hari ini. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup serta wakil Menteri-menteri Persekutuan dan Premier/ Menteri Besar/ Ketua Menteri.

Majlis Biodiversiti Negara (MBN) merupakan platform utama bagi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri membincangkan hala tuju dan strategi biodiversiti di peringkat kebangsaan yang diurus setiakan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES). Sebanyak tiga (3) kertas pertimbangan dan empat (4) kertas makluman telah dibentangkan. Antara keputusan yang telah dipersetujui merangkumi:

I. pembangunan Kerangka Kebangsaan Kaedah-Kaedah Lain yang Berkesan bagi Pemuliharaan Berlandaskan Kawasan (*Other Effective Area-Based Conservation Measures* - OECM) yang merangkumi kriteria, mekanisme pengiktirafan dan struktur tadbir urus OECM di Malaysia;

II. hala tuju mitigasi dan pengurusan populasi gajah liar di Negeri Johor bagi memperkukuh usaha menangani konflik manusia dan gajah; dan

III. usaha melestarikan Khazanah Asam Batu Negara melalui pelaksanaan aktiviti pemuliharaan spesies *Begonia herveyana* di Negeri Melaka.

Selain itu, MBN Ke-4 turut mengambil maklum beberapa inisiatif dan pencapaian penting dalam usaha pemuliharaan biodiversiti termasuk Laporan Kebangsaan

Ke-7 kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi (7NR), usaha konservasi hidupan liar oleh Jabatan PERHILITAN, inisiatif biodiversiti bandar oleh Jabatan Landskap Negara melalui penanaman pokok pinggiran jalan menggunakan spesies asli Malaysia serta usaha pemuliharaan dan pemantauan burung pantai hijrah oleh *Sarawak Forestry Corporation* (SFC).

Sempena dengan MBN Ke-4 ini, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air turut meluncurkan Laporan Kebangsaan Ke-7 yang telah berjaya dikemukakan oleh Malaysia kepada Sekretariat Konvensyen Kepelbagaian Biologi (*Convention on Biological Diversity* - CBD) pada 28 Februari 2026. Laporan tersebut merupakan dokumen rasmi negara yang melaporkan kemajuan pelaksanaan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2022-2030 serta usaha Malaysia dalam memenuhi komitmen antarabangsa di bawah Kerangka Biodiversiti Global Kunming-Montreal (*Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework* - KMGBF). Penyediaan laporan ini turut mencerminkan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pelbagai pihak berkepentingan dalam memperkukuh pelaksanaan agenda biodiversiti negara. Laporan ini boleh diakses melalui antara muka (*interface*) baharu *Malaysia Biodiversity Information System* (MyBIS) di www.mybis.gov.my yang turut diluncurkan pada hari ini.

YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air dalam ucapan beliau menekankan bahawa pengurusan biodiversiti negara memerlukan pendekatan senegara atau *whole-of-nation* yang melibatkan kerjasama erat antara semua kumpulan pemegang taruh. Kerjasama antara Jabatan PERHILITAN, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui pelaksanaan Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) merupakan antara contoh pendekatan bersepadu dalam membanteras jenayah hidupan liar dan melindungi khazanah biodiversiti negara. Beliau turut berharap agar semangat kerjasama yang sama terus diperkukuh dalam memastikan agenda biodiversiti negara dapat dilaksanakan secara berkesan dan berterusan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
18 JUN 2026

MALAYSIA MADANI

Unit Komunikasi Korporat I Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 I Faks : 03-8889 4763